



SITI NUR SURAYA
MOHAMED ALI

International Board Of Certified
Lactation (IBCLC), Ketua Pegawai
Esekutif dan Pengasas Lunafits

Tangani Anak Obsesi BAJU KEGEMARAN

"Asyik-asyik baju ini. Boringlah mama". Seorang ibu pun boleh jadi pening bila hari-hari tengok anak tidak boleh melepaskan baju kegemaran. Bolehkah ibu zahirkan kata-kata begitu pada anak yang obsesi dengan baju kegemarannya? Sebenarnya ada teknik bagaimana memujuk si kecil agar kurang obsesi dengan baju kegemaran.

1 Fahami mengapa ia berlaku

Kebergantungan anak terhadap sesuatu contohnya bantal mahupun ibu jari sendiri akan berakhir dengan cepat sebelum hari jadi pertamanya, ia dipanggil *Transitional Objects* atau (T.O.s). Boleh jadi juga ia berlanjutan sehingga usia mereka lima tahun.

Mereka terlalu sukakan "sesuatu" aan sering berdampingan dengannya. Ia boleh jadi baju kegemaran yang mengandungi watak kesukaan, T.O.s memberi perasaan selesa dan selamat pada waktu penerokaan mereka terhadap dunia permulaan.

Ibu bapa jangan bimbang. Proses ini akan berakhir dengan cepat.

Penghujung usia enam tahun, anak-anak mula melepaskan T.O.s secara perlahan-lahan. Namun ia perlu dipantau sekiranya mereka terlalu bergantung terhadap pakaian mereka, kanak-kanak mungkin berada dalam keadaan tertekan sama ada di rumah sendiri atau pengasuh ataupun di pra sekolah.

2 Hormati keputusan mereka

Jangan sesekali mengusik atau mengecikan kegemaran mereka dengan menyatakan "tak cantiklah baju ini!". Menghormati dan memahami adalah perkara yang amat diperlukan oleh seorang insan, ini asas utama. Terima kesukaan mereka dan eluskan memberitahu "Mama faham

Adik sangat suka baju ini kerana coraknya". Fahaminya melalui tekaan "Adik suka pakai baju ini kerana ia selesa ya?" Berikan sokongan sekiranya jawapannya "Ya" seperti "Wah, nampaknya kita perlu beli lebih baju seperti ini."

3 Berikan batasan

Ibu bapa perlu memberitahu anak-anak mereka secara tegas dan berbentuk didikan. Anak kecil terlalu ingin menjadi orang dewasa yang boleh memilih apa yang terbaik untuk mereka. Beritahu mereka bahawa orang dewasa memakai pakaian yang berbeza untuk hari yang berbeza dan program yang berbeza. Tunjuk kepadanya bagaimana orang dewasa menukar pakaian mengikut program dan aktiviti yang sesuai. Beritahunya, ibu (atau ayah) juga ada pakaian yang disukainya. Ini kata kunci - persamaan.

4 Hormati Kegemaranmu (T.O.s)

Usah mintanya melupakan T.O.s nya secara terus namun benarkan ia berlaku secara gradual.

Basuh pakaian kegemarannya dan gantung elok di dalam almari. Tunjukkan bahawa kita menghormati segala apa yang disukainya. Gantungkan pawang almari jugalah. Selalu beritahu anak-anak, kita berlaku adil pada semua pakaian kita di mana mereka (pakaian-pakaian) itu sangat gembira apabila dipilih untuk kita pakai hari ini. Mereka

dipakai oleh ahli syurga! Segala kebaikan yang anak-anak lakukan pada hari ini akan dikongsi bersama oleh pakaian kita ini. Mereka juga mahu masuk syurga bersamalah!

5 Berhenti memberitahu pada semua

Di luar sedar sebagai ibu bapa kita sering mengikatkan pilihan anak kita biar pun kurang tepat. Contohnya kita beritahu pada saudara mara yang hadir ke rumah "Dia mahu pakai baju ini sahaja. Pening saya!"

Apabila diluahkan di hadapan orang lain dan didengari oleh anak-anak, ia bagaikan suatu kebenaran bahawa mereka boleh melakukan apa yang mereka mahu lakukan. Beritahu hanya perkara baik dan apa yang kita mahukan di hadapan saudara kita contohnya "Mak Lang, Adik sangat suka baju Upin Ipin ini namun dia tak kisah berganti baju jika perlu. Baju ini dipakainya semingguk sekali dan disimpan di tempat yang elok selepas dibersihkan. Kan Adik?"

